

BN tidak amal pilih kasih—PM

BM 4 MAY 1986

KUALA LUMPUR, Sabtu — Barisan Nasional tidak mengamalkan sikap pilih kasih dalam menguatkuasakan sebarang peraturan dan ketetapan, kata pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan semua pemimpin dan anggota parti komponen Barisan Nasional mesti menyedari perkara itu dan mengelakkan diri daripada tuduh-menuduh sesama sendiri.

Sebagai contoh, Umno tidak bermain kayu tiga apabila mengadakan muzakarah dengan Pas baru-baru ini sedangkan semua parti komponen lain dilarang membuat sebarang rundingan dengan parti pembangkang, katanya.

"Kita tidak bercakap mengenai politik dengan Pas, tetapi cuma soal mengurangkan ketegangan dan mengelakkan rusuhan di kampung-kampung sewaktu pilihanraya akan datang.

Masalah dihadapi

"Parti komponen Barisan Nasional yang kurang senang dengan rundingan itu sepatutnya meminta penjelasan daripada Umno terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tuduhan dalam akhbar," katanya ketika berucap kepada kira-kira 3,500 pekerja pilihanraya Barisan Nasional Wilayah Persekutuan hari ini.

Perdana Menteri berkata jika timbul sebarang rasa tidak puas hati, parti-parti komponen Barisan Nasional boleh berunding melalui pelbagai saluran yang sedia ada.

Katanya, rundingan sesama sendiri itu perlu bagi mengelakkan salah faham dan perpecahan yang sudah pasti mengancam kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang.

Beliau juga berkata semua parti komponen, kecil atau besar, berhak menyuarakan sebarang masalah yang dihadapi oleh kaum atau golongan yang diwakili.

Ini sejajar dengan hasrat Barisan Nasional untuk mewujudkan demokrasi dalam satu kumpulan yang diwakili oleh semua kaum dan tidak membela-kangkan sesiapa. tegasnya.